



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2010

**PENETAPAN KETUA PERKHIDMATAN
BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG SEDANG BERKUAT KUASA
DALAM PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan kerajaan mengenai penetapan Ketua Perkhidmatan bagi 243 skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini terdapat 243 skim perkhidmatan diwujudkan perjawatannya dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan (PAP). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26 skim perkhidmatan telah ditetapkan Ketua Perkhidmatan melalui Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan atau Surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam manakala baki 217 skim perkhidmatan tidak ditetapkan Ketua Perkhidmatannya. Peranan sebagai Ketua Perkhidmatan bagi skim perkhidmatan yang telah ditetapkan Ketua Perkhidmatan dilaksanakan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing manakala peranan Ketua Perkhidmatan bagi skim

perkhidmatan yang tidak ditetapkan Ketua Perkhidmatan dilaksana berdasarkan skop fungsi agensi ataupun Ketua Jabatan masing-masing.

3. Penetapan Ketua Perkhidmatan ini merupakan salah satu langkah kerajaan untuk menambah baik peluang kemajuan kerjaya dan mobiliti pegawai di samping melengkapkan pengetahuan serta kemahiran yang relevan dengan kepelbagaian persekitaran dan keperluan perkhidmatan. Selain itu, penetapan Ketua Perkhidmatan yang khusus akan membolehkan Ketua Perkhidmatan memainkan peranan dengan lebih efektif dan perkhidmatan pegawai dapat diuruskan secara holistik.

KETUA PERKHIDMATAN YANG BAHARU

4. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, kuat kuasa penetapan Ketua Perkhidmatan bagi 26 skim perkhidmatan seperti di **Lampiran A** adalah kekal mengikut Ketua Perkhidmatan melalui Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan atau Surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang telah dikeluarkan sebelum ini **kecuali** skim perkhidmatan Pembantu Pengurusan Murid, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pegawai Khidmat Pelanggan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) di Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah ditetapkan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia sebagai Ketua Perkhidmatan baharu. Ketua Perkhidmatan bagi 217 skim perkhidmatan lain yang sedang berkuat kuasa dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah seperti di **Lampiran B**.

PERANAN KETUA PERKHIDMATAN

5. Ketua Perkhidmatan adalah dipertanggungjawabkan untuk melaksana empat (4) fungsi utama seperti berikut:

- (a) perancangan **keperluan sumber manusia**, pengurusan **perjawatan dan penambahbaikan skim perkhidmatan**;

- (b) pengendalian **urusan personel dan perkhidmatan**;
- (c) perancangan dan pelaksanaan **pelan latihan**; dan
- (d) perancangan dan pelaksanaan **program kemajuan kerjaya**.

KAEDAH PELAKSANAAN

6. Dengan pelaksanaan penetapan Ketua Perkhidmatan ini, pegawai dalam 26 skim perkhidmatan di **Lampiran A tidak layak** diberi opsyen pertukaran perkhidmatan kecuali pegawai di dalam skim perkhidmatan Pembantu Pengurusan Murid, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pegawai Khidmat Pelanggan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang terdapat di Kementerian Pelajaran Malaysia sebagaimana dinyatakan di **Perenggan 4**.

7. Semua pegawai yang berada dalam 217 skim perkhidmatan di **Lampiran B layak** diberi opsyen pertukaran perkhidmatan untuk memilih Ketua Perkhidmatan baharu **kecuali** pegawai yang berada di bawah Ketua Perkhidmatan yang sama dengan Ketua Perkhidmatan baharu.

8. Pegawai yang menolak opsyen tidak boleh bertukar ke jabatan lain dan akan terus kekal di bawah Ketua Jabatan masing-masing secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga meninggalkan perkhidmatan. Semua jawatan pegawai yang terlibat dengan opsyen pertukaran perkhidmatan dan jawatan kenaikan pangkat akan dijadikan jawatan kader Ketua Perkhidmatan yang baharu termasuk pewujudan jawatan baharu. Jawatan tersebut tidak boleh digunakan bagi tujuan kenaikan pangkat pegawai yang telah menolak opsyen.

9. Opsyen pertukaran perkhidmatan ini tidak akan melibatkan sebarang perubahan ke atas skim perkhidmatan, gred dan kekananan pegawai. Pegawai akan menerima gaji yang sama dengan gaji akhir yang diterima sebelum pertukaran perkhidmatan.

10. Mulai tarikh kuat kuasa pekeling perkhidmatan ini, semua urusan pengisian jawatan hendaklah dilaksanakan oleh Ketua Perkhidmatan baharu.

PEMBERIAN OPSYEN

11. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta telah menerima opsyen Sistem Saraan Malaysia.

12. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

13. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

14. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang menolak opsyen **atau** tidak membuat pilihan **atau** membuat pilihan bersyarat **atau** gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah dianggap sebagai tidak bersetuju dengan tawaran pertukaran perkhidmatan ini. Pegawai akan kekal di bawah Ketua Jabatan masing-masing secara KUP. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

15. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di **Perenggan 12** atas sebab yang munasabah, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan pegawai membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

16. Dalam melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan/Perkhidmatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah pelaksanaan opsyen yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran perkhidmatan kepada pegawai yang terlibat melalui Ketua Jabatan setelah mendapat butiran nama pegawai yang terlibat daripada Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) mengemukakan senarai nama pegawai yang terlibat dalam urusan pertukaran perkhidmatan seperti di **Perenggan 6 dan 7** kepada Pihak Berkuasa Melantik;
- (ii) menyampaikan surat tawaran opsyen kepada pegawai terlibat dan memberi penjelasan yang terperinci mengenai opsyen serta implikasi keputusan yang dibuat;

- (iii) mengumpul borang opsyen yang telah lengkap diisi dan menyerahkannya kembali kepada Pihak Berkuasa Melantik serta mengemukakan sesalinan kepada Ketua Perkhidmatan yang baharu;
- (iv) mengemas kini kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti pegawai yang terlibat;
- (v) menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi urusan perubahan senarai perjawatan mewujudkan jawatan secara KUP bagi pegawai yang menolak opsyen; dan
- (vi) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada BPO, JPA mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan memahami opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
- (ii) melengkapkan **dua (2) salinan** borang tawaran opsyen seperti di **Lampiran C** iaitu satu (1) salinan disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) lagi salinan untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini dan mengembalikan borang tawaran opsyen dalam tempoh tiga puluh (30) hari mulai tarikh surat tawaran opsyen.


PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

17. Keputusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) terdahulu pegawai yang ditukar perkhidmatan ke Ketua Perkhidmatan baharu boleh dipertimbangkan oleh Lembaga Penilaian Kompetensi yang berkenaan untuk dinilai setara jika kompetensi kedua-dua skim perkhidmatan adalah sama atau tidak jauh berbeza. Sekiranya dipersetujui, kelulusan PTK di dalam skim perkhidmatan asal boleh diguna pakai untuk dipertimbangkan pemberian Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

TARIKH KUAT KUASA

18. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2010**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

29 Jun 2010

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

**SENARAI KETUA PERKHIDMATAN YANG DITETAPKAN MELALUI
PEKELILING PERKHIDMATAN (PP)/ SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN (SPP)/
SURAT KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (KPPA)**

BIL	NAMA SKIM PERKHIDMATAN	PEKELILING PERKHIDMATAN/ SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN/ SURAT KPPA	KETUA PERKHIDMATAN SEDIA ADA	KETUA PERKHIDMATAN BAHARU
1	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah	PP Bilangan 1 Tahun 1977	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia	Kekal
2	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasah Diploma			
3	Pembantu Tadbir (Kewangan)	PP Bilangan 1 Tahun 2001	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam	Kekal
			Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia (Kementerian Pertahanan Malaysia sahaja)	
			Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja)	
			Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia sahaja)	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia sahaja)
			Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (Polis Diraja Malaysia sahaja)	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Surat JPA(BPO)(S)215/65 /Klt.8 s.k4(81) bertarikh 17 Februari 2010)
4	Pembantu Pengurusan Murid	PP Bilangan 9 Tahun 2003	Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia sahaja) Ketua Jabatan masing-masing	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
5	Pegawai Syariah	PP Bilangan 10 Tahun 2003	Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	Kekal
6	Penolong Pegawai Syariah			
7	Pembantu Syariah			

BIL	NAMA SKIM PERKHIDMATAN	PEKELILING PERKHIDMATAN/ SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN/ SURAT KPPA	KETUA PERKHIDMATAN SEDIA ADA	KETUA PERKHIDMATAN BAHARU
8	Pembantu Pemuliharaan	PP Bilangan 2 Tahun 2005	Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia	Kekal
9	Pegawai Khidmat Pelanggan	PP Bilangan 7 Tahun 2005	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam	Kekal
			Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia (Kementerian Pertahanan Malaysia sahaja)	
			Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja)	
			Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia sahaja)	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia sahaja)
			Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (Polis Diraja Malaysia sahaja)	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Surat JPA(BPO)(S)215/65 /Klt.8 s.k4(81) bertarikh 17 Februari 2010)
10	Pegawai Antidadah	PP Bilangan 15 Tahun 2005	Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri	Kekal
11	Penolong Pegawai Antidadah			
12	Pembantu Antidadah			
13	Penolong Arkitek Landskap	PP Bilangan 24 Tahun 2005	Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara	Kekal
14	Juruteknik Landskap			

BIL	NAMA SKIM PERKHIDMATAN	PEKELILING PERKHIDMATAN/ SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN/ SURAT KPPA	KETUA PERKHIDMATAN SEDIA ADA	KETUA PERKHIDMATAN BAHARU
15	Pegawai Psikologi	PP Bilangan 11 Tahun 2006	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam	Kekal
16	Penolong Pegawai Psikologi		Ketua Pengarah Kesihatan (Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja)	
17	Pegawai Teknologi Maklumat	SPP Bilangan 3 Tahun 2007	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam	Kekal
18	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat			
19	Juruteknik Komputer			
20	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/Penolong Pegawai Latihan Vokasional/Pegawai Latihan Vokasional			
21	Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat			
22	Pegawai Tadbir dan Diplomatik			
23	Penolong Pegawai Tadbir	SPP Bilangan 3 Tahun 2007	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia (Kementerian Pertahanan Malaysia sahaja) Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja)	Kekal
24	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi	PP Bilangan 33 Tahun 2007	Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti	Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik (nama baru)

BIL	NAMA SKIM PERKHIDMATAN	PEKELILING PERKHIDMATAN/ SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN/ SURAT KPPA	KETUA PERKHIDMATAN SEDIA ADA	KETUA PERKHIDMATAN BAHARU
25	Penolong Pegawai Siasatan/Pegawai Siasatan	PP Bilangan 25 Tahun 2008	Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Kekal
26	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	PP Bilangan 6 Tahun 2009	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia (Kementerian Pertahanan Malaysia sahaja)	Kekal
			Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja)	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia sahaja)
			Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (Polis Diraja Malaysia sahaja)	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Surat JPA(BPO)(S)215/65 /Klt.8 s.k4(81) bertarikh 17 Februari 2010)

**SENARAI KETUA PERKHIDMATAN BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG SEDANG
BERKUATKUASA DALAM PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

BIL	NAMA SKIM PERKHIDMATAN	KETUA PERKHIDMATAN
1	Juruterbang/ Pemeriksa Juruterbang	Ketua Pengarah Penerbangan Awam
2	Pemeriksa Kapal Terbang	
3	Pembantu Teknik Kapal Terbang	
4	Pegawai Kawalan Trafik Udara	
5	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara	
6	Pembantu Kawalan Trafik Udara	
7	Pegawai Laut	Ketua Pengarah Laut Malaysia
8	Penolong Pegawai Laut	
9	Pembantu Laut	Ketua Pengarah Laut Malaysia Ketua Pengarah Taman Laut (Jabatan Taman Laut Malaysia sahaja)
10	Pemeriksa Kereta Motor	Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia
11	Penerbit Rancangan	Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia
12	Ahli Muzik	Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan
13	Artis Budaya	
14	Ahli Fotografi	
15	Pegawai Kebudayaan	
16	Pereka	
17	Jurusolek	Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia
18	Pegawai Galian	Ketua Pengarah Mineral & Geosains
19	Penolong Pegawai Galian	
20	Pembantu Galian	
21	Pegawai Kimia Bumi	
22	Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi)	
23	Penolong Pegawai Kimia Bumi	
24	Pembantu Kaji Bumi	Ketua Pengarah Meteorologi
25	Pegawai Meteorologi	
26	Penolong Pegawai Meteorologi	
27	Pembantu Meteorologi	Ketua Pengarah Alam Sekitar
28	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	
29	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	Ketua Perkhidmatan mengikut bidang seperti di Lampiran B1
30	Pegawai Sains	
31	Penolong Pegawai Sains	
32	Pembantu Makmal	

BIL	NAMA SKIM PERKHIDMATAN	KETUA PERKHIDMATAN
33	Pegawai Teknologi Makanan	Ketua Pengarah Kesihatan
34	Penolong Pegawai Teknologi Makanan	
35	Pegawai Penyediaan Makanan	
36	Penolong Pegawai Penyediaan Makanan	
37	Pegawai Makmal Filem	Ketua Pengarah Filem Negara
38	Penolong Pegawai Makmal Filem	
39	Pembantu Makmal Filem	
40	Guru Bahasa	Ketua Jabatan masing-masing
41	Pegawai Ehwal Ekonomi	Ketua Jabatan masing-masing
42	Pembantu Ehwal Ekonomi	
43	Pegawai Latihan	Ketua Setiausaha Kementerian Belia & Sukan
44	Penolong Pegawai Latihan	
45	Pembantu Pegawai Latihan	
46	Perangkawan	Ketua Perangkawan Malaysia
47	Penolong Pegawai Perangkaan	
48	Pembantu Perangkaan	
49	Pengajar Kraf	Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
50	Pegawai Pertanian	Ketua Pengarah Pertanian
51	Penolong Pegawai Pertanian	
52	Pembantu Pertanian	
53	Pegawai Perikanan	Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
54	Penolong Pegawai Perikanan	Ketua Pengarah Taman Laut (Jabatan Taman Laut Malaysia sahaja)
55	Pembantu Perikanan	
56	Pegawai Veterinar	Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
57	Penolong Pegawai Veterinar	
58	Pembantu Veterinar	
59	Pemelihara Hutan	Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
60	Penolong Pemelihara Hutan	
61	Renjer Hutan	
62	Pengajar Membalak	
63	Pengawas Hutan	
64	Pegawai Hidupan Liar	Ketua Pengarah Perlindungan Hidupan Liar & Taman Negara
65	Penolong Pegawai Hidupan Liar	
66	Pembantu Hidupan Liar	
67	Pembantu Hidupan Liar Rendah	
68	Arkitek	Ketua Pengarah Kerja Raya
69	Penolong Pegawai Senibina	
70	Pelukis Pelan	

BIL	NAMA SKIM PERKHIDMATAN	KETUA PERKHIDMATAN
71	Arkitek Landskap	Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara
72	Jurutera	Ketua Perkhidmatan mengikut bidang seperti di Lampiran B1
73	Penolong Jurutera	
74	Juruteknik	
75	Juruukur Bahan	Ketua Pengarah Kerja Raya
76	Penolong Juruukur Bahan	
77	Jurukartografi	Ketua Pengarah Ukur & Pemetaan
78	Juruukur	
79	Pembantu Teknik Ukur	
80	Juruteknik Ukur	
81	Juruukur Bangunan	Ketua Pengarah Kerja Raya
82	Pembantu Teknik Ukur Bangunan	
83	Pegawai Perancang Bandar dan Desa	Ketua Pengarah Perancang Bandar & Desa
84	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa	
85	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa	
86	Pemeriksa Kilang dan Jentera	Ketua Pengarah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
87	Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera	
88	Pembantu Pemeriksa Kilang dan Jentera	
89	Penguasa Bomba	Ketua Pengarah Bomba & Penyelamat
90	Penolong Penguasa Bomba	
91	Pegawai Bomba	
92	Pegawai Keselamatan	Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
93	Penolong Pegawai Keselamatan	
94	Pembantu Keselamatan	
95	Pengawal Keselamatan	
96	Pegawai Pertahanan Awam	Ketua Pengarah Pertahanan Awam
97	Penolong Pegawai Pertahanan Awam	
98	Pembantu Pertahanan Awam	
99	Penguasa Penjara	Ketua Pengarah Penjara
100	Penolong Penguasa Penjara	
101	Pegawai Penjara	
102	Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen	Ketua Pengarah Imigresen
103	Pegawai Imigresen	
104	Penolong Pegawai Pendaftaran/ Pegawai Pendaftaran	Ketua Pengarah Pendaftaran
105	Pembantu Pendaftaran	
106	Pegawai Perhubungan Preman	Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia

BIL	NAMA SKIM PERKHIDMATAN	KETUA PERKHIDMATAN
107	Pegawai Undang-undang	Peguam Negara
108	Pembantu Undang-undang	Peguam Negara Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (Mahkamah sahaja) Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (Bahagian Hal Ehwal Undang-undang sahaja)
109	Pembantu Tadbir (Undang-undang)	Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
110	Jurubahasa	
111	Pegawai Tadbir	Ketua Jabatan masing-masing
112	Pegawai Penerbitan	Ketua Pengarah Penerangan Malaysia
113	Penolong Pegawai Penerbitan	
114	Pembantu Penerbitan	
115	Pegawai Penguatkuasa	Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia (Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia & Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan sahaja)
116	Penolong Pegawai Penguatkuasa	Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (Kementerian Dalam Negeri sahaja)
117	Pembantu Penguatkuasa	Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Jabatan Perkhidmatan Veterinar sahaja) Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sahaja)
118	Jurubahasa Serentak	Ketua Pentadbir Parlimen
119	Pegawai Penyelidik Sosial	Ketua Jabatan masing-masing
120	Penolong Pegawai Penyelidik Sosial	
121	Pembantu Penyelidik Sosial	
122	Pengurus Asrama	
123	Penolong Pengurus Asrama	
124	Penyelia Asrama	
125	Bentara Mesyuarat	Ketua Pentadbir Parlimen
126	Penolong Pegawai Tanah (Semenanjung Malaysia)	Ketua Pengarah Tanah & Galian
127	Pemeriksa Cap Jari	Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri
128	Juruaudio Visual	Ketua Pengarah Penerangan Malaysia
129	Operator Wayarles	Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
130	Penyelia Jurupakaian	Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia
131	Peniup Kaca	Ketua Jabatan masing-masing

BIL	NAMA SKIM PERKHIDMATAN	KETUA PERKHIDMATAN
132	Operator Kamera Offset/ Pembuat Plet	Ketua Pengarah Penerangan
133	Penolong Operator Kamera	
134	Tukang Masak	Ketua Jabatan masing-masing
135	Bentara Parlimen	Ketua Pentadbir Parlimen
136	Penghantar Notis	Ketua Jabatan masing-masing
137	Pembantu Kamera/ Pemandu	Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia
138	Pembantu Am Pejabat	Ketua Jabatan masing-masing
139	Pegawai Penyelidik	
140	Penolong Pegawai Penyelidik	
141	Pembantu Penyelidik	
142	Penjaga Jentera Elektrik	Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya
143	Tukang K1	Ketua Jabatan masing-masing
144	Tukang K2	Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya
145	Tukang K3	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia sahaja)
146	Operator Loji	Ketua Jabatan masing-masing
147	Pekerja Awam Khas	
148	Pemandu Kenderaan	
149	Pekerja Awam	
150	Pegawai Hal Ehwal Islam	Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
151	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	
152	Pembantu Hal Ehwal Islam	
153	Pegawai Arkib	Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia
154	Penolong Pegawai Arkib	
155	Pembantu Arkib	
156	Kurator	Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan
157	Penolong Kurator	
158	Pembantu Muzium	
159	Pustakawan	Ketua Pengarah Perpustakaan Negara
160	Penolong Pegawai Perpustakaan	
161	Pembantu Perpustakaan	
162	Pegawai Pembangunan Masyarakat	Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah dan Jabatan di bawahnya sahaja) Ketua Pengarah Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sahaja) Ketua Pengarah Kesihatan (Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja)

BIL	NAMA SKIM PERKHIDMATAN	KETUA PERKHIDMATAN
163	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat	Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah dan Jabatan di bawahnya sahaja)
164	Pembantu Pembangunan Masyarakat	
165	Pegawai Belia dan Sukan	Ketua Setiausaha Kementerian Belia & Sukan
166	Penolong Pegawai Belia dan Sukan	
167	Pembantu Belia dan Sukan	
168	Pegawai Perhubungan Perusahaan	Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia
169	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	
170	Pembantu Perhubungan Perusahaan	
171	Pegawai Penerangan	Ketua Pengarah Penerangan Malaysia Ketua Pengarah Kesihatan (Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja)
172	Penolong Pegawai Penerangan	Ketua Pengarah Penerangan Malaysia
173	Pembantu Penerangan	
174	Penolong Pegawai Kesatria	Ketua Setiausaha Kementerian Belia & Sukan
175	Pembantu Kesatria	
176	Pegawai Perubatan	Ketua Pengarah Kesihatan
177	Penolong Pegawai Perubatan	
178	Pegawai Optometri	
179	Pegawai Pergigian	
180	Juruteknologi Pergigian	
181	Pembantu Pembedahan Pergigian	
182	Pegawai Farmasi	
183	Penolong Pegawai Farmasi	
184	Pegawai Pemulihan Perubatan	
185	Pengajar	
186	Pegawai Dietetik	
187	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/Pegawai Kesihatan Persekitaran	
188	Juru X-Ray	
189	Jurupulih Perubatan	
190	Jururawat	
191	Jururawat Pergigian	
192	Jururawat Masyarakat	
193	Juruteknologi Makmal Perubatan	
194	Juruteknik Perubatan	
195	Pembantu Kesihatan Awam	

BIL	NAMA SKIM PERKHIDMATAN	KETUA PERKHIDMATAN
196	Atendan Kesihatan	Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia
197	Akauntan	Akauntan Negara
198	Penolong Akauntan	
199	Pembantu Akauntan	
200	Pegawai Penilaian	Ketua Pengarah Penilaian
201	Penolong Pegawai Penilaian	
202	Pembantu Penilaian	
203	Juruaudit	Ketua Audit Negara
204	Penolong Juruaudit	
205	Pembantu Juruaudit	
206	Penguasa Kastam	Ketua Pengarah Kastam
207	Penolong Penguasa Kastam	
208	Pembantu Penguasa Kastam	
209	Pegawai Aktuari	Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia
210	Pegawai Penguatkuasa Maritim	Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
211	Pegawai Lain-Lain Pangkat Penguatkuasa Maritim	
212	Pegawai Kanan Polis	Ketua Polis Negara
213	Pegawai Rendah Polis dan Konstabel	
214	Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli	
215	Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Sokongan	Panglima Angkatan Tentera
216	Pegawai Angkatan Tetap, Angkatan Tentera Malaysia	
217	Askar Laskar Angkatan Tetap, Angkatan Tentera Malaysia	

KETUA PERKHIDMATAN MENGIKUT BIDANG PENGKHUSUSAN

Bil.	Skim Perkhidmatan	Bidang Pengkhususan	Ketua Perkhidmatan
1	Pegawai Sains	(a) Kesihatan (i) Fizik (ii) Kaji Kuman (iii) Kaji Serangga (iv) Kimia Hayat (v) Zat Makanan (vi) Genetik (vii) Embriologi (viii) Forensik (ix) Biomedikal	Ketua Pengarah Kesihatan
		(b) Nuklear	Ketua Pengarah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom
		(c) Kimia	Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia
		(d) Sains, Teknologi dan Inovasi	Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia (Jabatan Standard Malaysia sahaja) Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Agensi Angkasa Negara sahaja)
		(e) Lain-lain	Ketua Jabatan masing-masing
2	Penolong Pegawai Sains	(a) Kesihatan (i) Fizik (ii) Kaji Kuman (iii) Kaji Serangga (iv) Kimia Hayat (v) Zat Makanan (vi) Genetik (vii) Embriologi (viii) Forensik (ix) Biomedikal	Ketua Pengarah Kesihatan
		(b) Nuklear	Ketua Pengarah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia (Agensi Nuklear Malaysia sahaja)

Bil.	Skim Perkhidmatan	Bidang Pengkhususan	Ketua Perkhidmatan
		(c) Kimia	Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia
		(d) Sains, Teknologi dan Inovasi	Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia (Jabatan Standard Malaysia sahaja) Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Agensi Angkasa Negara sahaja)
		(e) Lain-lain	Ketua Jabatan masing-masing
3	Pembantu Makmal	(a) Nuklear	Ketua Pengarah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia (Agensi Nuklear Malaysia sahaja)
		(b) Kimia	Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia
		(c) Sains, Teknologi dan Inovasi	Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia (Jabatan Standard Malaysia sahaja) Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Agensi Angkasa Negara sahaja)
		(d) Pengajian Tinggi	Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi
		(e) Pelajaran	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
		(f) Lain-lain	Ketua Jabatan masing-masing
4	Jurutera	(a) Kesihatan (i) Awam (ii) Kesihatan Umum (iii) Elektronik (iv) Elektrikal (v) Jentera (vi) Mekanikal (vii) Biomedikal	Ketua Pengarah Kesihatan

Bil.	Skim Perkhidmatan	Bidang Pengkhususan	Ketua Perkhidmatan
		<p>(b) Pengairan dan Saliran</p> <p>(i) Awam – <i>sumber air, hidrologi, sungai, pantai, saliran mesra alam, pengairan, saliran pertanian, banjir, rekabentuk, pembinaan dan penyelenggaraan bangunan dan jambatan, kejuruteraan struktur, geoteknik, jalan (termasuk ladang dan luar bandar), hidraulik, empangan dan teknologi bahan binaan;</i></p> <p>(ii) Mekanikal – <i>sumber air, hidraulik, sistem automasi/SCADA/telemetri, pengorekan dan penggerudian air tanah, bangunan dan mekatronik; dan</i></p> <p>(iii) Elektrikal – <i>kuasa, elektronik (perhubungan, komunikasi/ radar), sistem automasi/SCADA/telemetri, penjimatan tenaga elektrik, sumber tenaga asli, perkakasan dan pemasangan</i></p>	Ketua Pengarah Pengairan dan Saliran
		<p>(c) Kerja raya</p> <p>(i) Awam</p> <p>(ii) Elektrikal</p> <p>(iii) Mekanikal</p>	Ketua Pengarah Kerja Raya
		(d) Komunikasi dan Multimedia	Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia
		(e) Pembetulan	Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
		(f) Automotif	Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia
		(g) Pengurusan Sisa Pepejal	Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
		(h) Penerbangan Awam	Ketua Pengarah Penerbangan Awam (Jabatan Penerbangan Awam sahaja)

Bil.	Skim Perkhidmatan	Bidang Pengkhususan	Ketua Perkhidmatan
5.	Penolong Jurutera	(a) Kesihatan (i) Awam (ii) Kesihatan Umum (iii) Elektronik (iv) Elektrikal (v) Mekanikal	Ketua Pengarah Kesihatan
		(b) Pengairan dan Saliran (i) Awam – <i>sumber air, hidrologi, sungai, pantai, saliran mesra alam, pengairan, saliran pertanian, banjir, rekabentuk, pembinaan dan penyelenggaraan bangunan dan jambatan, kejuruteraan struktur, geoteknik, jalan (termasuk ladang dan luar bandar), hidraulik, empangan dan teknologi bahan binaan;</i> (ii) Mekanikal – <i>sumber air, hidraulik, sistem automasi/SCADA/telemetrik, pengorekan dan penggerudian air tanah, bangunan dan mekatronik; dan</i> (iii) Elektrikal – <i>kuasa, elektronik (perhubungan, komunikasi/ radar), system automasi/SCADA/telemetrik, penjimatan tenaga elektrik, sumber tenaga asli, perkakasan dan pemasangan</i>	Ketua Pengarah Pengairan dan Saliran
		(c) Kerja raya (i) Awam (ii) Elektrikal (iii) Mekanikal	Ketua Pengarah Kerja Raya
		(d) Komunikasi dan Multimedia	Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia
		(e) Pembedugan	Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
		(f) Automotif	Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia
		(g) Pengurusan Sisa Pepejal	Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Bil.	Skim Perkhidmatan	Bidang Pengkhususan	Ketua Perkhidmatan
		(h) Penerbangan Awam	Ketua Pengarah Penerbangan Awam (Jabatan Penerbangan Awam sahaja)
6.	Juruteknik	(a) Kesihatan (i) Awam (ii) Elektrikal (iii) Mekanikal (iv) Perubatan	Ketua Pengarah Kesihatan
		(b) Pengairan dan Saliran (i) Awam – <i>sumber air, hidrologi, sungai, pantai, saliran mesra alam, pengairan, saliran pertanian, banjir, rekabentuk, pembinaan dan penyelenggaraan bangunan dan jambatan, kejuruteraan struktur, geoteknik, jalan (termasuk ladang dan luar bandar), hidraulik, empangan dan teknologi bahan binaan;</i> (ii) Mekanikal – <i>sumber air, hidraulik, sistem automasi/SCADA/ Telemetrik, Pengorekan dan penggerudian air tanah, bangunan dan mekatronik; dan</i> (iii) Elektrikal – <i>kuasa, elektronik (perhubungan, komunikasi/ radar), sistem automasi/SCADA/ Telemetrik, penjimatan tenaga elektrik, sumber tenaga asli, perkakasan dan pemasangan</i>	Ketua Pengarah Pengairan dan Saliran
		(c) Kerja raya (i) Awam (ii) Elektrikal (iii) Mekanikal	Ketua Pengarah Kerja Raya
		(d) Komunikasi dan Multimedia	Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia
		(e) Pembedugan	Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
		(f) Automotif	Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia

BORANG OPSYEN PERTUKARAN KETUA PERKHIDMATAN

Kepada:

(Nama Pihak Berkuasa Melantik)

Melalui:

(Nama Ketua Jabatan/Jabatan Asal)

Tuan,

OPSYEN PERTUKARAN KETUA PERKHIDMATAN DARIPADA (KETUA PERKHIDMATAN SEDIA ADA) KEPADA (KETUA PERKHIDMATAN BAHARU)

Berhubung dengan surat tuan bil. bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan seperti berikut:

* (a) **Bersetuju** dengan pertukaran Ketua Perkhidmatan daripada (Ketua Perkhidmatan sedia ada) kepada (Ketua Perkhidmatan baharu);

ATAU

* (b) **Tidak bersetuju** dengan pertukaran Ketua Perkhidmatan daripada (Ketua Perkhidmatan sedia ada) kepada (Ketua Perkhidmatan baharu) dan dengan ini kekal berada di bawah Ketua Jabatan sedia ada secara Khas Untuk Penyangang.

2. Saya sesungguhnya faham akan kandungan surat tawaran ini dan implikasi opsyen ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang telah saya buat adalah **muktamad**.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan/Skim
Perkhidmatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

Di hadapan :

.....

SAKSI * *
(Tandatangan dan Cop Jawatan)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

* Tandakan (✓) dalam salah satu petak berkenaan.

* * Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Surat Akuan Penerimaan Borang Opsyen

Kepada :
.....
.....
(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

Dengan ini saya mengaku menerima borang opsyen tuan/puan melalui surat bil.
..... bertarikh

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tarikh :